



NEGERI PAHANG

TAMBAHAN PERUNDANGAN

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

Phg. P.U. 21/1998

**UNDANG-UNDANG KECIL PEMUNGUTAN, PEMBUANGAN DAN PELUPUSAN SAMPAH SARAP
(MAJLIS DAERAH PEKAN) 1998**

Tarikh penyiaran:

13 Ogos 1998

Tarikh mula berkuatkuasa:

13 Ogos 1998

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Mukadimah

Undang-Undang Kecil 1. Nama dan pemakaian

Undang-Undang Kecil 2. Takrif

Undang-Undang Kecil 3. Tong sampah sarap isi rumah hendaklah disediakan dan disenggarakan

Undang-Undang Kecil 4. Sampah sarap di bangunan berbilang tingkat

Undang-Undang Kecil 5. Sampah sarap taman

Undang-Undang Kecil 6. Pembuangan buangan perindustrian dan buangan perdagangan

Undang-Undang Kecil 7. Pembuangan kenderaan buruk dan tidak berguna

Undang-Undang Kecil 8. Dilarang mengganggu isi kandungan tong

Undang-Undang Kecil 9. Dilarang membakar bahan buangan

Undang-Undang Kecil 10. Dilarang membuang arang batu bakar, bahan letupan, dsb.

Undang-Undang Kecil 11. Fi

Undang-Undang Kecil 12. Penalti

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Pekan membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil berikut:

1. Nama dan pemakaian

Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (Majlis Daerah Pekan) 1998** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Pekan.

2. Takrif

Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“bahan buangan” adalah termasuk apa-apa keluaran sampingan, benda atau barang yang ditolak atau rosak dalam proses pengilangan sama ada mempunyai nilai perdagangan atau tidak;

“buangan perdagangan” ertinya apa-apa bahan buangan yang dijanakan oleh apa-apa aktiviti perdagangan;

“buangan perindustrian” ertinya apa-apa bahan buangan yang dijanakan oleh apa-apa aktiviti perindustrian;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Pekan;

“sampah sarap isi rumah” ertinya apa-apa bahan buangan yang dijanakan dari rumah tetapi tidak termasuk sampah sarap taman atau bahan binaan buangan;

“sampah sarap taman” adalah termasuk daun, jejalar rumput, pokok, dahan atau tanah dari taman atau perkarangan sesuatu rumah atau bangunan atau jika tidak ada rumah atau bangunan, dari mana-mana tanah.

3. Tong sampah sarap isi rumah hendaklah disediakan dan disenggarakan

(1) Penduduk tiap-tiap rumah hendaklah menyediakan dan menyenggarakan tong sampah dengan bibir tutup rapat tidak lebih daripada tiga kaki isipadunya.

(2) Semua sampah sarap isi rumah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik yang mana hendaklah diikat kuat-kuat sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah.

(3) Mana-mana kaca pecah, tin dan lain-lain benda yang tajam di tepinya hendaklah dibungkus dengan kemas dan selamat dan dimasukkan ke dalam bekas gunahabis yang berasingan dan diletakkan berdekatan dengan tong sampah untuk dipungut.

(4) Tong sampah sarap isi rumah boleh diletakkan di tepi arked atau verandah, di sebelah luar pagar, di lorong belakang atau di mana-mana tempat lain yang sesuai di dalam kawasan rumah untuk memudahkan kerja mengosongkan tong oleh Majlis.

4. Sampah sarap di bangunan berbilang tingkat

(1) Di bangunan berbilang tingkat di mana pelongsor sampah disediakan, pihak pengurusan bangunan itu atau, jika tidak ada pihak pengurusan itu, penduduk bangunan itu hendaklah menyediakan dan menyenggara tong sampah yang mana hendaklah diletakkan dalam kebuk sampah.

(2) Tong sampah itu hendaklah dari saiz yang cukup untuk diletakkan dalam kebuk sampah yang disediakan di sebelah bawah pelongsor sampah pada bangunan itu.

(3) Penduduk hendaklah pada setiap masa menyenggara pelongsor sampah, corong logam pelongsor dan pintu logam ke kebuk sampah.

(4) Jika tong sampah, pelongsor sampah, pintu logam, corong logam atau kebuk sampah tidak berada dalam keadaan yang boleh digunakan dengan sepatutnya, Majlis boleh mengambil tindakan untuk menggantikan, membaiki atau meremedikan apa-apa kecacatan dan hendaklah menuntut amaun yang dibelanjakan mengikut cara yang diperuntukkan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171].

5. Sampah sarap taman

Sampah sarap taman boleh dipungut oleh Majlis dengan bayaran suatu fi.

6. Pembuangan buangan perindustrian dan buangan perdagangan

Apa-apa buangan perindustrian atau buangan perdagangan hendaklah dilupuskan oleh tuannya perindustrian atau perdagangan berkenaan di mana-mana satu tempat longgokan sampah yang disenggarakan oleh Majlis atau mengikut cara sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis.

7. Pembuangan kenderaan buruk dan tidak berguna

(1) Apa-apa kenderaan buruk dan tidak berguna hendaklah dibuang oleh tuannya di mana-mana satu daripada tempat longgokan sampah.

(2) Majlis boleh membuang kenderaan itu dengan syarat tuannya membayar suatu fi.

8. Dilarang mengganggu isi kandungan tong

Tiada seorang pun boleh mengais atau menyelongkar atau mengalih apa-apa jua benda daripada, atau menumpahkan atau menselerakkan apa-apa jua isi kandungan, mana-mana tong sampah.

9. Dilarang membakar bahan buangan

Tiada seorang pun boleh membakar apa-apa bahan buangan pada bila-bila masa yang tidak munasabah atau di mana-mana tempat yang mungkin menyebabkan kacau ganggu atau kegusaran kepada mana-mana jiran atau orang ramai.

10. Dilarang membuang arang batu bakar, bahan letupan, dsb.

Tiada suatu pun bahan binaan, arang batu bakar, bahan mudah terbakar atau bahan letupan boleh dimasukkan ke dalam tong sampah sarap isi rumah atau mana-mana tong lain yang disediakan untuk mengisi sampah tetapi hendaklah dilupuskan mengikut cara yang diperuntukkan bagi membuang buangan perindustrian.

11. Fi.

Majlis boleh menetapkan kadar fi yang akan dikenakan di bawah Undang-Undang Kecil ini melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

12. Penalti.

Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan, dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit dan denda tambahan tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Dibuat 23 November 1988.

[MDP. Phg. 1/8/0006.]

*Yang DiPertua,
Majlis Daerah Pekan*

Disahkan 5 Mei 1993.

[SUK. Phg. (KT) 5578.]

*Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pahang*